

13/04/1999

Ahli Parlimen diminta guna pejabat

AHLI Parlimen diminta mengguna sepenuhnya kemudahan bilik pejabat yang terletak di blok menara bangunan Parlimen bagi memastikan tidak berlaku pembaziran.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail, berkata menara setinggi 17 tingkat dan mempunyai 90 bilik pejabat itu sekarang tidak digunakan sepenuhnya oleh Ahli Parlimen, khususnya dari Barisan Nasional (BN).

"Ahli Parlimen yang kerap menggunakan kemudahan di situ hanyalah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan ahli Parlimen yang mewakili parti pembangkang," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan delegasi lima Ahli Parlimen New Zealand diketuai Speakernya, Doug Kidd.

Menurutnya, blok menara yang dibina pada 1963 itu mempunyai kemudahan telefon, kerusi-meja, tandas dan bilik mandi di setiap bilik, yang dikongsi secara bersama oleh dua ahli Parlimen.

"Ahli Parlimen masih enggan menggunakan bilik pejabat itu, walaupun kerajaan sudah membaik pulih kemudahan di situ dengan menukarkan permaidani sedia ada dengan yang baru serta membaiki tandas," katanya.

Ditanya mengenai kemungkinan blok menara itu dijadikan tempat penginapan untuk ahli Parlimen dari Sabah dan Sarawak atau menyewakannya kepada syarikat swasta, Mohamed Zahir berkata kerajaan tidak berhasrat berbuat demikian.

Menurutnya, keputusan itu dibuat atas dasar keselamatan, selain mengambil kira kesulitan yang bakal timbul jika ia diurus atau diguna syarikat swasta atau dijadikan penginapan segelintir ahli Parlimen.

"Bangunan Parlimen adalah tempat yang dikawal rapi oleh polis. Kita tidak boleh membiarkan orang luar keluar masuk bangunan ini dengan mudah," katanya.

Mengenai lawatan Ahli Parlimen New Zealand itu, Mohamed Zahir berkata lawatan berkenaan adalah lawatan biasa bertujuan mengeratkan hubungan antara ahli Parlimen kedua-dua negara.

(END)